

D.R. 6/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 12

2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 12 dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

"(7) Anggota Jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun daripada wang Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri. "

Rang Undang-Undang

Penggantian seksyen 18

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 18 dengan seksyen yang berikut:

"Tatatertib

18. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjaannya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang itu.

(2) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib pekerjaannya.

(3) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini —

(a) boleh mewujudkan kesalahan tatatertib;

(b) boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dan hukuman itu boleh meliputi—

(i) amaran;

(ii) denda;

(iii) pelucuthakan emolumen;

(iv) penangguhan pergerakan gaji;

(v) pengurangan gaji;

(vi) penurunan pangkat; dan

(vii) buang kerja;

(c) hendaklah memberikan kepada pekerja yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil peluang untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh Jawatankuasa Tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:

(i) jika seseorang pekerja dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan salah laku yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan)

- (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, adalah tidak suai manfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
- (iii) jika telah—
 - (A) dibuat terhadap seseorang pekerja apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran; atau
 - (B) dikenakan terhadap seseorang pekerja apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis;
- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen seseorang pekerja semasa menanti selesainya prosiding jenayah atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat;
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan kerja tanpa emolumen seseorang pekerja—
 - (i) jika pekerja itu telah disabitkan oleh suatu mahkamah jenayah; atau
 - (ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dikenakan ke atas pekerja itu; dan
- (f) boleh mengadakan peruntukan bagi tatacara pendengaran sesuatu rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 18B."

Rang Undang-Undang

Seksyen baru 18A, 18B, 18C, 18D, 18E, 18F dan 18G

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

"Jawatankuasa Tatatertib

18A. (1) Lembaga boleh menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pekerja-pekerjanya.

(2) Yang berikut hendaklah terpakai bagi sesuatu Jawatankuasa Tatatertib:

(a) sesuatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota atau pekerja Lembaga, atau apa-apa kombinasi anggota atau pekerja itu; dan

(b) seseorang pekerja yang menjadi anggota sesuatu Jawatankuasa Tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada seseorang pekerja yang ke atasnya Jawatankuasa Tatatertib yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(3) Sesuatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pekerja yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(4) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 18.

Prosiding tatatertib berkenaan dengan ketua pegawai eksekutif

18B. (1) Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan ketua pegawai eksekutif hendaklah terdiri daripada Pengerusi Lembaga sebagai pengerusi dan dua orang anggota Lembaga yang dilantik oleh Peneerusi Lembaga.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan)

(2) Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan prosiding tatatertib terhadap ketua pegawai eksekutif mengikut apa-apa peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 18 dan boleh membuat apa-apa perakuan kepada Menteri mengenai hukuman yang hendak dikenakan ke atas atau apa-apa tindakan lain yang boleh diambil terhadap ketua pegawai eksekutif itu.

(3) Keputusan Menteri di bawah subseksyen (2) adalah muktamad.

Lembaga Rayuan Tatatertib

18c. (1) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang disebut dalam seksyen 18A bolehlah dirayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan yang hendaklah mempunyai undi pemutus; dan
- (b) dua orang anggota lain Lembaga, yang bukannya anggota Jawatankuasa Tatatertib yang keputusannya merupakan hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan, anggota Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(3) Lembaga Rayuan Tatatertib boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam

18d. (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, maka Lembaga bolehlah mengarahkan pegawai atasan kepada pekerja yang terhadapnya representasi itu dibuat supaya mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan lengkap yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berhubungan dengan kerja dan kelakuan pekerja itu, dan ulasan Ketua Jabatan pegawai itu.

Rang Undang-Undang

(2) Jika, selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pekerja itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pekerja itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Perakuan oleh Jawatankuasa Tatatertib

18E. (1) Adalah sah di sisi undang-undang bagi sesuatu Jawatankuasa Tatatertib untuk memperakukan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pekerja yang ke atasnya Jawatankuasa itu menjalankan bidang kuasa tatatertib ditamatkan demi kepentingan awam walaupun tiada prosiding tatatertib telah dijalankan di bawah Akta ini.

(2) Suatu perakuan kepada Lembaga di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan suatu laporan penuh tentang alasan-alasan yang perakuan itu diasaskan.

(3) Lembaga boleh mengarahkan pegawai atasan kepada pekerja yang disebut dalam subseksyen (1) supaya mengemukakan apa-apa maklumat tambahan kepada Lembaga berkenaan dengan pekerja itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(4) Jika, selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (2) dan apa-apa maklumat tambahan yang dikemukakan di bawah subseksyen (3) Lembaga berpuas hati bahawa, dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pekerja itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pekerja itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Peluang untuk didengar

18F. Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini dan apa-apa undang-undang lain yang berlawanan, sebelum Lembaga membuat keputusan di bawah seksyen 18D atau 18E untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja, Lembaga hendaklah memberi pekerja itu peluang untuk didengar.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan)

Penamatan perkhidmatan bukan pembuangan kerja

18G. Penamatan perkhidmatan seseorang pekerja di bawah seksyen 18D atau 18E bukanlah dan tidak boleh dianggap sebagai pembuangan kerja walaupun penamatan itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan kelakuan berhubung dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga sebagai tidak memuaskan atau patut dipersalahkan.",

Pindaan seksyen 20

5. Seksyen 20 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) tidak atau telah tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang bagi pemungutannya dia adalah atau telah dipertanggungjawabkan;"

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta untuk memasukkan subseksyen baru (7) yang mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan seksyen 18 Akta bagi memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kawalan tatatertib ke atas pekerja-pekerjanya dan diberikan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18A, 18B, ISc, 18D, 18E, 18F dan 18G ke dalam Akta. Penubuhan Jawatankuasa Tatatertib bagi kategori berlainan pekerja Lembaga dan berkenaan dengan ketua pegawai eksekutif diperkatakan masing-masing dalam seksyen 18A dan 18B. Penubuhan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib diperuntukkan dalam seksyen 18c.

Seksyen 1 8D dan 1 8E bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja jika, dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pekerja itu, Lembaga berpuas hati bahawa adalah wajar perkhidmatan pekerja itu ditamatkan demi kepentingan

Rang Undang-Undang

awam. Penamatan sedemikian bukanlah pembuangan kerja sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 18G. Seksyen 18F menghendaki Lembaga memberi pekerja yang perkhidmatannya hendak ditamatkan olehnya demi kepentingan awam peluang untuk didengar.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta yang menyatakan suatu alasan bagi penganan surcaj ke atas pekerja dan bekas pekerja Lembaga.

7. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2411]